



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/26/0214 (14)
Tarikh : 13 Jun 2026

URBAX DEVELOPMENT SDN BHD
15 & 15A,
Hala Bendahara 1,
31650 Ipoh
Perak Darul Ridzuan.
(u.p : Encik Mexvin Chow Yew Hoong)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN BARU BERALAMAT DI LOT 287572
JALAN AZIZ ISHAK, 30350 IPOH , PERAK UNTUK TETUAN
URBAX DEVELOPEMNT SDN BHD**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 840.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
ii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 500.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap) kepada Majlis Bandaraya Ipoh.
iii.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara clean-cut with diamond cutter atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
iv.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan compactor (600mm).
v.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana **tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), **Datuk Bandar Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**

Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/26/0214 (14)
Tarikh : 13 Jun 2026

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN BARU BERALAMAT DI LOT 287572
JALAN AZIZ ISHAK, 30350 IPOH , PERAK UNTUK TETUAN
URBAX DEVELOPEMNT SDN BHD**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

5. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan **(180 hari) sahaja** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Irdina Binti Azuri** di talian **012-3070954** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)

Pengurus Kanan Koridor Negeri

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/19062026/Wah/Irdina

Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/26/0214 (14)
Tarikh : 23 Jun 2026

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN BARU BERALAMAT DI LOT 287572
JALAN AZIZ ISHAK, 30350 IPOH , PERAK UNTUK TETUAN
URBAX DEVELOPEMNT SDN BHD**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Salinan kepada:

1. PENGARAH KERJA AWAM

Majlis Bandaraya Ipoh,
Jalan Sultan Abdul Jalil,
Greentown,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Jabatan Kerja Awam)



2. RE ELECTRICAL & CONSTRUCTION SDN BHD

No 3, Jalan Menglembu Impiana 33,
Kawasan Perindustrian Menglembu Impiana,
31450 Ipoh
Perak Darul Ridzuan.
(u.p : Encik Kiren Raj A/L Manikam)